

**SOALAN NO :25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB DATO' HAJI MOHD. ZAIM BIN ABU HASAN  
[ PARIT ]  
**TARIKH :** 6 APRIL 2015  
**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mohd. Zaim Bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan menyelaraskan supaya semua warga asing yang menerima rawatan di hospital dan klinik Kerajaan di setiap negeri perlu mengadakan insurans perubatan dan dokumen pengenalan diri sebelum diterima mendapat rawatan. Ini bertujuan mengatasi masalah bil hospital tertunggak yang tidak dijelaskan oleh warga asing yang jumlahnya teramat besar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berkenaan dengan perlindungan insurans bagi warga asing yang menerima rawatan, adalah dimaklumkan bahawa semua pekerja warga asing telah diwajibkan untuk mengambil polisi Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) dengan jumlah perlindungan insurans sebanyak RM10,000.00 setahun dan bayaran premium insurans sebanyak RM120.00 setahun bagi setiap seorang pekerja asing.

Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja asing di sektor perladangan dikecualikan daripada mengambil polisi SPIKPA kerana pekerja di sektor ini tertakluk di bawah Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Bagi sektor pembantu rumah pula diberi pilihan untuk dilindungi di bawah skim ini atau pun tidak.

Manakala, bagi pelajar-pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi Swasta diwajibkan mengambil insurans perubatan sebelum memulakan pengajian di negara ini seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi warga asing yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah, mereka dikategorikan sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Kehadiran mereka untuk mendapatkan rawatan akan dilaporkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia atau pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga sedang mengkaji berkenaan insurans perubatan bagi kategori warga asing yang lain bersama-sama dengan beberapa Kementerian dan agensi lain bagi memastikan keberkesanan insuran perubatan ini.